

# 'Pinda akta beri kuasa Pusat 'jaga' tanah, hutan'

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) mendesak kerajaan supaya meminda Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) bagi memberi kuasa kepada pentadbiran pusat untuk 'menjaga' tanah dan hutan di negara ini.

Presiden PEKA, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, berkata Akta 313 kini bersifat lapuk kerana tidak dipinda lebih daripada 30 tahun.

Beliau berkata, melalui peruntukan akta sedia ada, kuasa membabitkan tanah dan hutan adalah di bawah kerajaan negeri menyebabkan usaha melindunginya sukar dilaksanakan.

"Justeru wujud keperluan yang mendesak untuk meminda undang-undang bagi memastikan hutan negara dapat dilindungi selain memastikan pembangunan hutan yang mampan.

"Peranan kerajaan negeri sangat luas di bawah peruntukan sedia ada, maka menjadi keperluan untuk meminda akta bagi mengimbangi kuasa negeri bagi menjaga kelestarian alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *BH* semalam, yang mendedahkan banjir teruk membawa lumpur melanda negeri pantai timur Semenanjung se-



**PEKA berpendapat wujud keperluan yang mendesak** untuk meminda undang-undang bagi memastikan hutan negara dapat dilindungi. (foto hiasan)

jak seminggu lalu, bukan disebabkan faktor semula jadi.

Sebaliknya Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nor Shahidah Mohd Nazer, dilaporkan berkata, keadaan itu diburukkan aktiviti penggondolan hutan yang semakin berleluasa.

Shariffa Sabrina berkata, sebelum ini, PEKA pernah menyerahkan memorandum mengenai

pemindaan Akta 313 kepada Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli pada 2019 lalu. Kali terakhir Akta 313 dipinda adalah pada 1993.

Katanya, cadangan pindaan itu diharap dapat menyelesaikan dua isu utama membabitkan hukuman dan denda yang sudah tidak relevan.

Selain itu, beliau berkata, ia juga diharap dapat mengimbangi kuasa mutlak kerajaan negeri ter-

hadap kawalan ke atas hal yang berkaitan dengan pengurusan serta pentadbiran hutan.

"Kita juga minta kerajaan untuk tidak lagi mengeksport kayu-kayuan tempatan, antaranya ke China dan Jepun, bagi mengurangkan pembalakan kerana permintaan bahan itu yang tinggi.

"Sebaliknya Malaysia perlu hanya membataskan pengeluaran kayu kepada pasaran tempatan sahaja," katanya.



**Peranan kerajaan negeri sangat luas di bawah peruntukan sedia ada, maka menjadi keperluan untuk meminda akta bagi mengimbangi kuasa negeri bagi menjaga kelestarian alam sekitar,**

**Shariffa Sabrina Syed Akil,**  
Presiden PEKA